



11 Ogos 2017
11 August 2017
P.U. (A) 231

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH EKSTRADISI (UKRAINE) 2017

EXTRADITION (UKRAINE) ORDER 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA EKSTRADISI 1992

PERINTAH EKSTRADISI (UKRAINE) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 2(1) Akta Ekstradisi 1992 [Akta 479], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Ekstradisi (Ukraine) 2017**.
- (2) Perintah ini mula berkuat kuasa mengikut Perkara 23 Triti.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, "Triti" ertinya Triti antara Kerajaan Malaysia dengan Ukraine mengenai Ekstradisi yang ditandatangani di Putrajaya, Malaysia pada 4 Ogos 2016 yang menurutnya suatu perkiraan telah dibuat antara Kerajaan Malaysia dengan Ukraine untuk mengekstradisikan penjenayah buruan mengikut Triti.

Pemakaian Akta kepada Ukraine

3. Bagi maksud Triti, Akta Ekstradisi 1992 hendaklah terpakai berhubung dengan Ukraine.

Kemasukan Triti dalam Perintah

4. Terma-terma Triti dinyatakan dalam Jadual dan menjadi sebahagian daripada Perintah ini.

JADUAL
[Perenggan 4]

**TRITI
ANTARA
KERAJAAN MALAYSIA
DENGAN
UKRAINE
MENGENAI EKSTRADISI**

Kerajaan Malaysia dan Ukraine (kemudian daripada ini disebut secara sendirian sebagai “Pihak” dan secara kolektif sebagai “Pihak-Pihak”),

Berhasrat untuk mengukuhkan hubungan baik antara kedua-dua negara;

Mengiktiraf keperluan untuk mengadakan kerjasama yang lebih berkesan antara kedua-dua negara dalam menumpaskan jenayah,

TELAH BERSETUJU seperti yang berikut:

**PERKARA 1
OBLIGASI UNTUK MENGEKSTRADISIKAN**

Pihak-Pihak bersetuju untuk mengekstradisikan kepada satu sama lain, atas permintaan dan tertakluk kepada peruntukan Triti ini dan selaras dengan undang-undang domestik masing-masing, mana-mana orang yang dikehendaki di Pihak yang Meminta untuk tujuan pendakwaan bagi suatu kesalahan boleh ekstradisi atau untuk penganan atau penguatkuasaan suatu hukuman berkenaan dengan suatu kesalahan sedemikian.

PERKARA 2
KESALAHAN BOLEH EKSTRADISI

1. Suatu kesalahan hendaklah menjadi kesalahan boleh ekstradisi jika ia boleh dihukum di bawah undang-undang kedua-dua Pihak dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada satu (1) tahun, atau dengan suatu penalti yang lebih berat.

2. Suatu kesalahan hendaklah juga menjadi kesalahan boleh ekstradisi jika ia terdiri daripada suatu percubaan atau konspirasi untuk melakukan, membantu atau menyubahati, apa-apa kesalahan yang diperihalkan dalam perenggan (1) dan boleh dihukum di bawah undang-undang kedua-dua Pihak dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun, atau dengan suatu penalti yang lebih berat.

3. Jika permintaan bagi ekstradisi itu berkenaan dengan seseorang yang dihukum dengan pemenjaraan oleh mahkamah Pihak yang Meminta bagi apa-apa kesalahan boleh ekstradisi, ekstradisi boleh diberikan hanya jika suatu tempoh sekurang-kurangnya enam (6) bulan hukuman pemenjaraan itu masih perlu dijalani.

4. Bagi maksud Perkara ini, dalam menentukan sama ada sesuatu kesalahan adalah kesalahan yang boleh dihukum di bawah undang-undang kedua-dua Pihak, adalah tidak menjadi hal sama ada:

(a) undang-undang Pihak-Pihak meletakkan perbuatan atau peninggalan yang menjadi kesalahan itu dalam kategori kesalahan yang sama atau memperihalkan kesalahan itu dengan istilah yang sama; atau

(b) di bawah undang-undang Pihak-Pihak elemen kesalahan itu adalah berbeza, ia adalah difahami bahawa keseluruhan perbuatan atau peninggalan sebagaimana yang dikemukakan oleh Pihak yang Meminta menjadi suatu kesalahan di bawah undang-undang Pihak yang Diminta.

5. Jika ekstradisi seseorang dikehendaki bagi suatu kesalahan terhadap undang-undang berhubung dengan percukaian, duti kastam, kawalan pertukaran wang atau perkara mengenai hasil lain ekstradisi tidak boleh ditolak atas alasan bahawa undang-undang Pihak yang Diminta tidak mengenakan jenis cukai atau duti yang sama atau tidak mengandungi peraturan-peraturan cukai, duti, kastam, atau pertukaran yang sejenis dengan undang-undang Pihak yang Meminta dengan syarat bahawa perbuatan atau peninggalan yang baginya ekstradisi dikehendaki adalah suatu kesalahan dalam wilayah Pihak yang Diminta.

6. Jika kesalahan itu telah dilakukan di luar wilayah Pihak yang Meminta, ekstradisi hendaklah diberikan jika undang-undang Pihak yang Diminta memperuntukkan hukuman bagi sesuatu kesalahan yang dilakukan di luar wilayahnya dalam hal keadaan yang seumpamanya, dan jika kehendak ekstradisi di bawah Triti ini, dan undang-undang domestiknya selainnya dipenuhi. Jika undang-undang Pihak yang Diminta tidak memperuntukkan sedemikian, Pihak yang Diminta boleh, mengikut budi bicaranya, tidak membenarkan ekstradisi.

PERKARA 3

ALASAN PENOLAKAN MANDATORI

1. Ekstradisi di bawah Triti ini tidak boleh diberikan oleh Pihak yang Diminta dalam mana-mana hal keadaan yang berikut:

(a) apabila Pihak yang Diminta menentukan bahawa kesalahan yang baginya ekstradisi diminta ialah suatu kesalahan bersifat politik. Sebutan mengenai suatu kesalahan yang bersifat politik tidak termasuk kesalahan-kesalahan yang berikut:

(i) suatu kesalahan yang termasuk dalam skop mana-mana triti antarabangsa pelbagai hala yang kedua-dua Pihak ialah pihak dan yang mengenakan terhadap mereka suatu obligasi sama ada untuk mengekstradisikan atau untuk mengemukakan kes itu kepada pihak berkuasa berwajibnya bagi keputusan tentang pendakwaan;

- (ii) pembunuhan atau jenayah sengaja lain terhadap diri Ketua Negara, atau seseorang anggota keluarga terdekat Ketua Negara itu;
 - (iii) suatu percubaan, persubahatan untuk melakukan, membantu atau konspirasi untuk melakukan atau mengambil bahagian dalam apa-apa kesalahan sedemikian sebagaimana yang disebut dalam subperenggan (i) dan (ii);
- (b) jika Pihak yang Diminta mempunyai alasan kukuh untuk mempercayai bahawa permintaan itu telah dibuat bagi maksud untuk mendakwa atau menghukum seseorang kerana ras, agama, kerakyatan, keturunan etnik, jantina, dan pendapat politik orang itu atau bahawa kedudukan orang itu dalam perbicaraannya mungkin terkesan atas mana-mana daripada sebab-sebab itu;
- (c) jika kesalahan yang baginya ekstradisi diminta, ialah suatu kesalahan di bawah undang-undang tentera yang bukan juga merupakan suatu kesalahan di bawah undang-undang jenayah yang lazim;
- (d) jika, berkenaan dengan kesalahan yang baginya ekstradisi orang itu diminta:
- (i) orang itu telah dibebaskan, diberi pengampunan atau selainnya dilepaskan daripada tanggungjawab jenayah atau daripada pelaksanaan suatu hukuman di bawah undang-undang Pihak yang Diminta;
 - (ii) orang itu telah menjalani hukuman yang diperuntukkan oleh undang-undang Pihak yang Diminta; atau
 - (iii) orang itu telah disabitkan di bawah undang-undang Pihak yang Diminta;
- (e) jika ia boleh menyebabkan Pihak yang Diminta melanggar obligasinya di bawah triti antarabangsa.

2. Dalam hal yang seseorang boleh tertakluk kepada hukuman mati di Pihak yang Meminta tetapi tidak tertakluk kepada hukuman mati di Pihak yang Diminta bagi kesalahan yang sama di bawah undang-undang Pihak yang Diminta, tiada permintaan bagi ekstradisi boleh dikemukakan tanpa rundingan dan persetujuan terlebih dahulu oleh kedua-dua Pihak untuk membuat permintaan itu.

PERKARA 4

ALASAN PENOLAKAN MENGIKUT BUDI BICARA

1. Ekstradisi boleh ditolak:

(a) jika pendakwaan berkenaan dengan kesalahan yang baginya ekstradisi dikehendaki belum selesai dalam wilayah Pihak yang Diminta terhadap orang yang ekstradisinya dikehendaki;

(b) jika orang yang ekstradisinya diminta ialah rakyat Pihak yang Diminta;

(c) jika kesalahan yang baginya ekstradisi diminta dikira di bawah undang-undang Pihak yang Diminta sebagai telah dilakukan secara keseluruhan atau sebahagiannya di dalam Pihak itu atau dalam bidang kuasanya; dan

(d) apabila pendakwaan atau hukuman bagi kesalahan yang baginya ekstradisi diminta akan terhalang atas sebab yang ditetapkan oleh undang-undang Pihak yang Diminta yang berhubungan dengan statut had masa.

2. Jika ekstradisi ditolak menurut perenggan 1(b) dan (c), Pihak yang Diminta hendaklah mengemukakan kes itu kepada pihak berkuasa berwajibnya dengan tujuan supaya tindakan diambil terhadap orang yang dikehendaki itu di bawah undang-undang Pihak yang Diminta.

PERKARA 5
PIHAK BERKUASA PUSAT

Pihak Berkuasa Pusat bagi Malaysia ialah Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi penjenayah buronan dan Pihak Berkuasa Pusat bagi Ukraine ialah Kementerian Kehakiman Ukraine (dalam kes yang diambil tindakan oleh mahkamah atau di peringkat pelaksanaan hukuman) dan Pejabat Pendakwa Am Ukraine (dalam kes di peringkat sebelum bicara).

PERKARA 6
PENYERAHAN SEMENTARA DAN TERTANGGUH

1. Pihak yang Diminta boleh, selepas membuat keputusannya mengenai permintaan bagi ekstradisi, menanggukkan penyerahan orang yang dikehendaki itu, supaya dapat diambil tindakan terhadap orang itu, atau jika orang itu telah disabitkan, supaya dapat dikuatkuasakan hukuman yang dikenakan bagi sesuatu kesalahan selain kesalahan yang kerananya ekstradisi diminta. Dalam hal sedemikian Pihak yang Diminta hendaklah menasihati Pihak yang Meminta dengan sewajarnya.

2. Apabila orang itu sedang menjalani sesuatu hukuman di wilayah Pihak yang Diminta bagi sesuatu kesalahan selain kesalahan yang baginya ekstradisi dikehendaki, Pihak yang Diminta boleh menyerahkan untuk sementara orang itu kepada Pihak yang Meminta untuk didakwa bagi suatu kesalahan yang baginya ekstradisi dikehendaki. Orang yang diserahkan sedemikian hendaklah ditahan dalam jagaan di Pihak yang Meminta dan hendaklah dikembalikan ke Pihak yang Diminta selepas tamatnya prosiding terhadap orang itu, mengikut syarat-syarat bertulis yang ditentukan secara bersama oleh Pihak-Pihak.

PERKARA 7

TATACARA EKSTRADISI DAN DOKUMEN SOKONGAN

1. Suatu permintaan bagi ekstradisi hendaklah dibuat oleh Pihak Berkuasa Pusat bagi Pihak yang Meminta secara bertulis dan dihantar melalui saluran diplomatik kepada Pihak Berkuasa Pusat bagi Pihak yang Diminta.
2. Bagi komunikasi yang kemudiannya, pihak berkuasa yang berkenaan hendaklah berkomunikasi secara langsung antara satu sama lain, tetapi boleh, jika mereka memilih sedemikian, berkomunikasi melalui saluran diplomatik.
3. Permintaan bagi ekstradisi hendaklah disertakan dengan perkara yang berikut:
 - (a) butir-butir yang perlu untuk menentukan identiti dan kerakyatan orang yang dikehendaki termasuk, apabila boleh, gambar dan cap jari dan suatu pernyataan mengenai lokasi semasa orang itu, jika diketahui;
 - (b) suatu pernyataan mengenai setiap kesalahan yang baginya ekstradisi dikehendaki;
 - (c) suatu pernyataan mengenai fakta kesalahan itu;
 - (d) sejarah tatacara kes itu;
 - (e) teks undang-undang yang mewujudkan setiap kesalahan;
 - (f) teks undang-undang yang memperihalkan penalti yang boleh dikenakan;
 - (g) suatu pernyataan tentang sama ada terdapat apa-apa batasan had masa berkenaan dengan pendakwaan.

4. Jika orang itu dituduh atas sesuatu kesalahan permintaan bagi ekstradisi itu hendaklah disertakan dengan waran bagi penangkapan orang itu dan dokumen pertuduhan, atau sesalinan dokumen pertuduhan itu.
5. Jika orang itu telah disabitkan atas sesuatu kesalahan dan hukuman telah dikenakan, permintaan bagi ekstradisi hendaklah disertakan dengan:
 - (a) dokumen yang membekalkan keterangan mengenai sabitan itu; dan
 - (b) dokumen yang membekalkan keterangan mengenai hukuman yang dikenakan dan takat yang hukuman itu belum dijalankan.
6. Jika orang itu telah disabitkan atas sesuatu kesalahan dan tiada hukuman dikenakan, permintaan bagi ekstradisi hendaklah disertakan dengan dokumen yang mengandungi keterangan mengenai sabitan itu.
7. Kedua-dua Pihak tidak boleh menghendaki, sebagai suatu syarat untuk mengekstradisikan menurut Triti ini supaya Pihak yang satu lagi membuktikan kes *prima facie* terhadap orang yang dikehendaki itu.

PERKARA 8

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Jika Pihak yang Diminta berpendapat bahawa maklumat yang diberikan bagi menyokong sesuatu permintaan bagi ekstradisi tidak mencukupi di bawah undang-undang domestiknya dan Triti ini untuk membolehkan suatu ekstradisi diberikan, Pihak itu boleh meminta supaya maklumat tambahan diberikan dalam masa yang dinyatakan olehnya. Pihak yang Diminta boleh menetapkan suatu had masa bagi pengemukaan maklumat itu, dan boleh memberikan suatu lanjutan had masa yang munasabah atas permohonan Pihak yang Meminta yang menyatakan sebab-sebab bagi pelanjutan itu.

2. Jika orang yang dikehendaki itu berada dalam jagaan dan dokumen tambahan yang dikemukakan adalah tidak mencukupi, atau jika dokumen sedemikian tidak diterima dalam tempoh yang dinyatakan oleh Pihak yang Diminta, orang itu boleh dilepaskan daripada jagaan. Pelepasan sedemikian tidaklah menjejaskan penangkapan semula dan ekstradisi orang itu jika dokumen tambahan diterima kemudiannya.
3. Jika orang itu dilepaskan daripada jagaan mengikut perenggan 2 Perkara ini, Pihak yang Diminta hendaklah memaklumkan Pihak yang Meminta secepat yang dapat dilaksanakan.

PERKARA 9

BAHASA

Permintaan dan dokumen sokongan yang dikemukakan oleh Pihak yang Meminta menurut Triti ini hendaklah disertakan dengan suatu terjemahan dalam bahasa Inggeris.

PERKARA 10

KEBOLEHTERIMAAN DOKUMEN

1. Sesuatu dokumen yang, mengikut Perkara 7 Triti ini, disertakan dengan sesuatu permintaan bagi ekstradisi hendaklah diterima sebagai keterangan, jika disahkan, dalam mana-mana prosiding ekstradisi dalam wilayah Pihak yang Diminta.
2. Sesuatu dokumen adalah disahkan bagi maksud Triti ini jika:
 - (a) dalam hal sesuatu waran penangkapan dengan ditandatangani oleh seorang hakim, majistret, atau pihak berkuasa berwibawa lain Pihak yang Meminta;
 - (b) dalam hal apa-apa dokumen lain dengan diperakui oleh seorang hakim, majistret, atau pihak berkuasa berwibawa lain Pihak yang Meminta sebagai salinan asal atau sebagai salinan benar daripada yang asal, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau

- (c) dalam hal sesuatu dokumen yang mengandungi keterangan suatu sabitan dengan diperakui oleh seorang hakim, majistret, atau pihak berkuasa berwibawa lain Pihak yang Meminta,

dan dengan dimeterai dengan meterai rasmi pihak berkuasa berwibawa Pihak yang Meminta.

PERKARA 11

PENANGKAPAN SEMENTARA

1. Dalam hal yang memerlukan tindakan segera, suatu Pihak boleh meminta penangkapan sementara orang yang dikehendaki sementara menunggu pengemukakan permintaan bagi ekstradisi.
2. Permintaan bagi penangkapan sementara hendaklah dihantar antara Jabatan Peguam Negara Malaysia dengan Pihak Berkuasa Pusat Ukraine sama ada melalui saluran diplomatik atau secara langsung melalui pos atau telegraf atau melalui apa-apa cara lain yang dapat memberikan suatu keterangan bertulis atau melalui kemudahan Pertubuhan Polis Jenayah Antarabangsa (Interpol).
3. Apabila permintaan bagi penangkapan sementara diterima, Pihak yang Diminta hendaklah menggunakan sebaik-baik ikhtiarnya untuk menangkap orang yang dikehendaki. Pihak yang Meminta hendaklah diberitahu dengan segera hasil permintaannya.
4. Permintaan bagi penangkapan sementara hendaklah mengandungi:
 - (a) suatu perihalan mengenai orang yang dikehendaki, termasuk, jika boleh, gambar atau cap jari;
 - (b) lokasi orang yang dikehendaki, jika diketahui;

- (c)* suatu pernyataan atau perihalan mengenai kesalahan yang dikatakan telah dilakukan oleh orang itu, atau yang kerananya orang itu telah disabitkan;
- (d)* suatu pernyataan yang ringkas dan padat mengenai fakta kes itu, termasuk suatu pernyataan mengenai perbuatan atau peninggalan yang dikatakan menjadi setiap kesalahan dan, jika boleh, masa dan lokasi setiap kesalahan itu;
- (e)* sesalinan waran tangkap, dokumen pertuduhan atau suatu pernyataan mengenai dapatan bersalah atau penghakiman mengenai sabitan terhadap orang yang dikehendaki itu;
- (f)* suatu pernyataan mengenai hukuman yang boleh, atau telah, dikenakan bagi kesalahan itu; dan
- (g)* suatu pernyataan bahawa suatu permintaan bagi ekstradisi orang yang dikehendaki itu akan menyusul.

5. Seseorang yang ditangkap di bawah permintaan bagi penangkapan sementara hendaklah dilepaskan apabila habis tempoh 60 hari dari tarikh penangkapan sementara orang itu jika suatu permintaan bagi ekstradisi, yang disokong dengan dokumen yang dinyatakan dalam Perkara 7 Tritis ini, belum diterima.

6. Pelepasan seseorang itu menurut perenggan 5 Perkara ini tidak menghalang pemulaan prosiding untuk mengekstradisikan orang yang dikehendaki itu jika permintaan ekstradisi diterima kemudian.

PERKARA 12

PENEPIAN PROSIDING EKSTRADISI

1. Jika orang yang dikehendaki itu bersetuju untuk kembali ke Pihak yang Meminta dan selepas dinasihatkan sendiri oleh pihak berkuasa kehakiman yang berwibawa tentang kesan persetujuan itu di bawah undang-undang Pihak yang Diminta, sekali lagi

bersetuju kepada penepian itu dan jika dibenarkan sedemikian oleh undang-undang Pihak yang Diminta, Pihak yang Diminta boleh menyerahkannya tanpa prosiding selanjutnya.

2. Penyerahan menurut Perkara ini hendaklah tertakluk kepada Perkara 14 dan 15 Triti ini.

PERKARA 13 **PERMINTAAN SERENTAK**

1. Jika Pihak yang Diminta menerima permintaan daripada lebih daripada satu Negara bagi ekstradisi orang yang sama, sama ada bagi kesalahan yang sama atau bagi suatu kesalahan yang berlainan, Pihak yang Diminta hendaklah menentukan ke Negara mana antara Negara-Negara itu orang itu akan diekstradisikan dan hendaklah memberitahu Negara-Negara itu mengenai keputusannya.

2. Dalam membuat keputusannya, Pihak yang Diminta hendaklah mempertimbangkan segala fakta yang berkaitan, termasuk—

- (a)* sama ada permintaan itu dibuat menurut mana-mana triti;
- (b)* kerakyatan orang yang dikehendaki;
- (c)* graviti kesalahan-kesalahan itu;
- (d)* urutan permintaan-permintaan itu diterima daripada Pihak-Pihak yang Meminta;
- (e)* kepentingan masing-masing Pihak-Pihak yang Meminta;
- (f)* kerakyatan mangsa;
- (g)* tempat bermastautin lazim orang itu;

- (h) kemungkinan adanya ekstradisi selanjutnya antara Pihak-Pihak yang Meminta; atau
- (i) masa dan tempat pelakuan setiap kesalahan.

PERKARA 14
KEPUTUSAN DAN PENYERAHAN

1. Pihak yang Diminta hendaklah, sebaik sahaja suatu keputusan mengenai permintaan bagi ekstradisi dibuat, memberitahu keputusan itu kepada Pihak yang Meminta.
2. Sebab keputusan penolakan sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya hendaklah dinyatakan. Pihak yang Diminta boleh memberikan salinan keputusan penghakiman yang berkaitan berkenaan dengan kes itu apabila diminta.
3. Dalam hal permintaan diterima, pihak berkuasa berwajib Pihak-Pihak hendaklah bersetuju mengenai cara, tempat dan tarikh yang paling sesuai untuk melaksanakan ekstradisi.
4. Jika orang yang dikehendaki itu tidak dibawa keluar dari wilayah Pihak yang Diminta oleh seorang ejen Pihak yang Meminta dalam tempoh munasabah sedemikian sebagaimana yang dinyatakan oleh Pihak yang Diminta, orang itu boleh dilepaskan, dan Pihak yang Diminta boleh kemudiannya menolak ekstradisi bagi kesalahan yang sama.
5. Jika hal keadaan di luar kawalannya menghalang sesuatu Pihak daripada menyerahkan atau mengambil alih orang yang hendak diekstradisikan, Pihak itu hendaklah memberitahu Pihak yang satu lagi. Kedua-dua Pihak hendaklah bersetuju mengenai suatu tarikh baharu bagi penyerahan dan peruntukan perenggan 4 Perkara ini hendaklah terpakai.

PERKARA 15
PENYITAAN DAN PENYERAHAN HARTA

1. Setakat yang dibenarkan di bawah undang-undangnya, Pihak yang Diminta boleh menyita dan menyerahkan kepada Pihak yang Meminta apa-apa harta yang didapati dalam milikan orang yang dikehendaki pada masa penangkapannya yang mungkin penting sebagai keterangan dalam membuktikan kesalahan ekstradisi yang berkenaan dengannya ekstradisi itu diberikan.
2. Tertakluk kepada perenggan (1) Perkara ini, harta yang tersebut di atas boleh, jika Pihak yang Meminta meminta sedemikian, diserahkan kepada Pihak yang Meminta walaupun ekstradisi itu tidak boleh dilaksanakan disebabkan oleh orang yang dikehendaki itu mati, hilang atau melarikan diri.
3. Pihak yang Diminta boleh mengenakan syarat bagi penyerahan harta itu atas jaminan yang memuaskan hati daripada Pihak yang Meminta bahawa harta itu akan dikembalikan kepada Pihak yang Diminta dengan seberapa segera yang mungkin. Pihak yang Diminta boleh juga menanggungkan penyerahan harta itu jika harta itu diperlukan sebagai keterangan di Pihak yang Diminta.
4. Apa-apa hak yang diperoleh oleh Pihak yang Diminta atau pihak ketiga atas harta tersebut hendaklah dipelihara. Apabila hak sedemikian wujud, harta itu hendaklah dikembalikan tanpa caj kepada Pihak yang Diminta seberapa segera yang mungkin selepas penyelesaian prosiding.

PERKARA 16
PRINSIP KEISTIMEWAAN

1. Seseorang yang telah diekstradisikan di bawah Tritis ini tidak boleh ditahan, dibicarakan atau dihukum atau dikenakan apa-apa sekatan kebebasan diri yang lain di wilayah Pihak yang Meminta bagi apa-apa kesalahan yang dilakukan sebelum ekstradisi selain:

- (a) suatu kesalahan yang baginya ekstradisi telah diberikan;
- (b) apa-apa kesalahan lebih ringan atau kesalahan boleh ekstradisi yang telah dibuktikan oleh fakta yang menjadi asas bagi ekstradisi yang mula-mula disebut;
- (c) apa-apa kesalahan boleh ekstradisi lain yang berkenaannya Pihak yang Diminta bersetuju.

2. Perenggan 1 Perkara ini tidak terpakai jika orang itu mempunyai peluang untuk meninggalkan Pihak yang Meminta dan tidak berbuat demikian dalam masa 30 hari daripada pelepasan muktamad berkenaan dengan kesalahan yang baginya orang itu diekstradisikan atau jika orang itu telah kembali ke wilayah Pihak yang Meminta selepas meninggalkannya.

PERKARA 17

EKSTRADISI SEMULA KEPADA NEGARA KETIGA

1. Seseorang yang telah diekstradisikan di bawah Triti ini tidak boleh diekstradisikan semula oleh Pihak yang Meminta kepada suatu Negara ketiga untuk perbicaraan atau penghukuman bagi apa-apa kesalahan ekstradisi yang dilakukan sebelum ekstradisinya ke Pihak yang Meminta melainkan jika Pihak yang Diminta bersetuju kepada penyerahan itu.

2. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang Pihak yang Meminta, seseorang yang telah diekstradisikan di bawah Triti ini tidak boleh diserahkan semula oleh Pihak yang Meminta kepada suatu tribunal antarabangsa yang ditubuhkan mengikut suatu konvensyen antarabangsa pelbagai hala yang terpakai kepada Pihak yang Meminta untuk perbicaraan atau penghukuman bagi apa-apa kesalahan yang dilakukan sebelum ekstradisinya ke Pihak yang Meminta melainkan jika:

- (a) Pihak yang Diminta bersetuju kepada penyerahan itu; dan

(b) jika di bawah konvensyen itu, persetujuan Negara yang lain dikehendaki, Negara itu bersetuju.

3. Perenggan (1) atau (2) Perkara ini tidak menghalang ekstradisi semula atau penyerahan semula seseorang yang diekstradisikan kepada suatu Negara ketiga atau tribunal antarabangsa yang berkaitan yang ditubuhkan mengikut suatu konvensyen antarabangsa pelbagai hala yang terpakai bagi Pihak yang Meminta jika—

(a) orang itu meninggalkan wilayah Pihak yang Meminta selepas ekstradisi itu dan secara suka rela kembali kepadanya; atau

(b) orang itu tidak meninggalkan wilayah Pihak yang Meminta dalam masa 30 hari daripada hari yang padanya orang itu bebas untuk pergi.

4. Bagi maksud perenggan 1 dan subperenggan 2(a) Perkara ini, sesuatu Pihak yang persetujuannya diminta boleh menghendaki pengemukaan apa-apa dokumen atau pernyataan yang disebut dalam Perkara 7 Tritis ini.

PERKARA 18

TRANSIT

Setakat yang dibenarkan di bawah undang-undangnya, mana-mana Pihak boleh membenarkan transit melalui wilayahnya seseorang yang diserahkan kepada Pihak yang satu lagi oleh suatu Negara ketiga.

PERKARA 19

REPRESENTASI DAN KOS

1. Pihak yang Diminta hendaklah menasihati, membantu, hadir di mahkamah bagi pihak Pihak yang Meminta, dan mewakili kepentingan Pihak yang Meminta, atau selainnya membuat perkiraan yang perlu bagi representasi guaman Pihak yang Meminta, dalam apa-apa prosiding yang berbangkit daripada suatu permintaan bagi ekstradisi.

2. Pihak yang Meminta hendaklah menanggung perbelanjaan berhubung dengan penterjemahan dan pentranskripsian dokumen yang diberikan untuk menyokong suatu permintaan ekstradisi di bawah Triti ini dan pengangkutan orang yang diserahkan. Pihak yang Diminta hendaklah membayar segala perbelanjaan lain yang dilakukan di Pihak itu disebabkan oleh prosiding ekstradisi itu termasuk perbelanjaan yang dilakukan dalam wilayahnya semasa penangkapan dan penahanan orang yang ekstradisinya dikehendaki sehingga orang itu diserahkan kepada seseorang yang dinamakan oleh Pihak yang Meminta.

3. Walau apa pun perenggan 2 Perkara ini, jika perbelanjaan dilakukan di Pihak yang Diminta oleh disebabkan oleh permintaan itu adalah bersifat substantif atau luar biasa, Pihak-Pihak hendaklah berunding untuk menentukan cara kos itu hendak ditanggung.

4. Kedua-dua Pihak tidak boleh membuat apa-apa tuntutan wang terhadap Pihak yang satu lagi berbangkit daripada penangkapan, penahanan, pemeriksaan atau penyerahan orang yang dikehendaki di bawah Triti ini.

PERKARA 20

RUNDINGAN

1. Bagi maksud menggalakkan penggunaan yang paling berkesan Triti ini, Pihak-Pihak hendaklah berunding, pada masa yang dipersetujui bersama oleh mereka, berkenaan dengan pentafsiran, pemakaian atau pelaksanaan Triti ini sama ada secara am atau berhubung dengan sesuatu kes tertentu.

2. Pihak-Pihak boleh memajukan apa-apa langkah praktikal yang didapati perlu untuk memudahkan pelaksanaan Triti ini.

PERKARA 21

PENYELESAIAN PERTIKAIAN

Apa-apa perbezaan atau pertikaian antara Pihak-Pihak yang berbangkit daripada pentafsiran atau pelaksanaan peruntukan Triti ini hendaklah diselesaikan secara baik

melalui rundingan atau runding bicara antara Pihak-Pihak melalui saluran diplomatik tanpa merujuk kepada mana-mana pihak ketiga atau tribunal antarabangsa.

PERKARA 22

PINDAAN

1. Triti ini boleh diubah suai atau dipinda pada bila-bila masa melalui persetujuan bertulis bersama Pihak-Pihak. Ubah suaian atau pindaan sedemikian hendaklah mula berkuat kuasa menurut perenggan 1 Perkara 23 Triti ini.
2. Apa-apa ubah suaian atau pindaan tidaklah menjejaskan hak dan obligasi yang berbangkit daripada atau yang berdasarkan Triti ini sebelum atau sehingga tarikh ubah suaian atau pindaan itu mula berkuat kuasa.

PERKARA 23

PERMULAAN KUAT KUASA

1. Triti ini hendaklah mula berkuat kuasa pada hari yang ketiga puluh selepas tarikh penerimaan pemberitahuan terakhir tentang penyempurnaan tatacara dalaman yang dikehendaki oleh undang-undang domestik mana-mana satu Pihak bagi permulaan kuat kuasanya.
2. Triti ini hendaklah terpakai bagi permintaan yang dikemukakan selepas tarikh permulaan kuat kuasanya, tidak kira perbuatan atau peninggalan yang berkaitan yang menjadi kesalahan atau kesalahan-kesalahan yang berkenaan dengan permintaan itu berlaku sebelum atau selepas tarikh itu.

PERKARA 24

PENAMATAN

1. Mana-mana Pihak boleh menamatkan Triti ini melalui pemberitahuan secara bertulis pada bila-bila masa melalui saluran diplomatik dan Triti ini hendaklah terhenti berkuat kuasa enam (6) bulan selepas tarikh pemberitahuan.

2. Penamatan Triti ini tidaklah menjejaskan hak dan obligasi yang berbangkit daripada atau yang berdasarkan Triti ini dan penyempurnaan apa-apa permintaan yang dibuat menurut Triti ini sebelum atau sehingga tarikh penamatan itu.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS yang bertandatangan di bawah ini yang diberi kuasa sewajarnya, telah menandatangani Triti ini.

Dibuat di Putrajaya pada 4 haribulan Ogos 2016 dalam dua salinan, setiap satu dalam bahasa Ukraine, Melayu dan Inggeris, kesemua teks sama sahinya. Dalam hal perbezaan dalam pentafsiran teks bahasa Inggeris hendaklah terpakai.

BAGI KERAJAAN MALAYSIA

BAGI UKRAINE

Dibuat 31 Mei 2017
[KDN.KK.S.800-6/2/2 (8); PN(PU2)512/III]

DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
Menteri Dalam Negeri

[Akan dibentangkan di Dewan Negara dan Dewan Rakyat menurut subseksyen 2(3) Akta Ekstradisi 1992]

EXTRADITION ACT 1992

EXTRADITION (UKRAINE) ORDER 2017

IN exercise of the powers conferred by subsection 2(1) of the Extradition Act 1992 [*Act 479*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Extradition (Ukraine) Order 2017**.

(2) This Order comes into operation in accordance with Article 23 of the Treaty.

Interpretation

2. In this Order, "Treaty" means the Treaty between the Government of Malaysia and Ukraine on Extradition signed in Putrajaya, Malaysia on 4 August 2016 whereby an arrangement has been made between the Government of Malaysia and Ukraine on extradition of fugitive criminals in accordance with the Treaty.

Application of Act to Ukraine

